

IPOH, Selasa — Raja Kecil Tengah Perak, Raja Izzuddin Iskandar Shah, akan mengetuai enam pembesar negeri untuk menjelajah di luar Perak berikutan istiadat menjunjung duli bulan depan.

Mengikut Adat Istiadat Diraja Perak, mereka yang mengambil bahagian dalam istiadat itu akan diminta menghilangkan diri seminggu dari tarikh mereka menjunjung duli.

Setiasusaha Dewan Negara Perak, Toh Ayub Hashim memberitahu hari ini, Sultan Perak yang sedang menyambut ulang tahun keputeraan ke-57 tahun telah memperkenankan dua tarikh istiadat tersebut yang akan dilangsungkan berasingan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Istiadat pertama akan diadakan pada 10 Oktober sempena perayaan Hari Raya Haji dan satu lagi diikuti pada 29 Oktober di satu upacara khas ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad **m e n e r i m a** penganugerahan Seri Paduka Cura Simanja Kini (SPCM) yang membawa gelaran 'Datuk Seri'.

6 pembesar Perak akan jelajah menurut istiadat...

Raja Izzuddin Iskandar Shah, putera sulung Sultan dilantik menjadi Orang Besar Jajahan Grik pada 1 Januari 1980.

Raja Izzuddin Iskandar Shah yang sebelum ini Raja Kecil Bongsu merupakan waris diraja keempat untuk menaiki takhta Kerajaan Perak.

Mereka yang lain yang akan turut menjunjung duli ialah Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Datuk Wan Ahmad Isa Shukri Wan Rashdi.

Datuk Wan Ahmad Isa Shukri yang juga Setiausaha Sulit Sultan Perak dilantik menjadi Orang Besar Berempat pada 22 Jun 1978.

Toh Ayub berkata, tiga orang akan menjunjung duli bagi tiap-tiap satu istiadat itu dan mereka akan dinamakan kemudian.

Kebiasaannya mereka tidak dibenarkan mengadap baginda dan mestilah menghilangkan diri ke negeri di sebelah selatan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia